

03 NOV 2003

Parlimen-Sikap

PARLIMEN: PAS DAN DAP PUJI SIKAP DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 3 Nov (Bernama) -- Kemampuan Tun Dr Mahathir Mohamad menguasai pelbagai ilmu dengan baik membuktikan seseorang manusia boleh mempelajari dan menguasai apa jua ilmu dengan kemahuan dan dedikasi yang tinggi, kata Naib Presiden PAS Datuk Dr Hassan Mohd Ali.

Beliau berkata justeru itu sikap dedikasi tinggi yang ditunjukkan oleh bekas Perdana Menteri itu perlu diteliti dan seterusnya diwarisi oleh setiap rakyat Malaysia.

"Beliau (Dr Mahathir) telah menunjukkan kededikasiannya sehinggakan ke saat-saat akhir (sebagai Perdana Menteri) masih lagi dalam keadaan bekerja, ini perlu dicontohi oleh golongan muda...dari pra-sekolah hinggalah ke universiti," katanya semasa membahaskan usul terima kasih kepada Dr Mahathir yang dibentangkan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pada persidangan Dewan Rakyat hari ini.

Dr Hassan yang juga ahli Parlimen Parit Buntar berkata bahawa beliau amat tertarik dengan kebolehan Dr Mahathir menerapkan ilmu-ilmu terkini kepada pembangunan negara.

Beliau bagaimanapun berkata tindakan ramai pihak yang akhir-akhir ini terlalu memuji "kehebatan" Dr Mahathir boleh menghakis nilai kekuatan dan kebolehan bekas Perdana Menteri itu yang telah dibentuk sekian lama.

Naib Presiden DAP Dr Tan Seng Giaw di dalam ucapannya pula berkata, sifat berterus-terang Dr Mahathir menjadi kekuatan, karisma dan kelemahannya.

"Dari (buku) The Malay Dilemma hingga komen terhadap Yahudi di sidang OIC baru-baru ini, hampir separuh abad. Adakalanya kata-kata beliau menjengkelkan sesetengah pihak," katanya.

Di dalam ucapannya sepanjang tiga muka surat, Dr Tan selain memuji, turut melahirkan bantahannya terhadap beberapa tindakan yang diambil oleh Dr Mahathir sepanjang era pemerintahannya seperti mengisytiharkan Malaysia sebagai sebuah negara Islam.

-- BERNAMA

NN SNS MOZ